

DATE: 14/04/2008

Hargai pendapat, pandangan

um-14/4/2008

Oleh SAFINA RAMLI

Sebab sayangnya, kita perlu bersuara untuk memastikan UMNO terus relevan

MUKHRIZ MAHATHIR
Exco Pergerakan Pemuda UMNO

ALOR STAR 13 April - Semua pihak dalam UMNO diminta menghargai sebarang pendapat atau pandangan daripada ahli parti tanpa mengambil pendekatan menghentam mereka dengan menggunakan alasan tidak menghormati parti.

Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, tindakan menghentam ahli parti yang memberi pendapat yang tidak dipersetujui sesetengah pihak, tidak sepatutnya berlaku kerana ia boleh memberi kesan yang buruk terhadap parti.

"Saya pernah menyuarakan pendapat tetapi saya dihentam sehingga dilabel sebagai musuh dalam selimut dan gunting dalam lipatan sehingga orang lain menjadi takut untuk bersuara.

"Ini kerana tidak semua orang mempunyai pandangan yang sama dan tidak bermakna orang itu tidak sayang pada parti.

"Sebab sayangnya, kita perlu bersuara untuk memastikan UMNO terus relevan," ujarnya kepada pemberita di majlis pertemuan bersama penduduk kampung di Pejabat Kemas Jerlun di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak yang membenarkan ahli-ahli UMNO bercakap untuk meluahkan pandangan mereka.

Jelasnya, kebebasan bersuara di semua peringkat sehingga ke peringkat akar umbi penting dalam sesebuah parti demi mengelakkan wujudnya perasaan tidak puas hati di kalangan ahli UMNO.

"Kekalahan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-12 yang lalu adalah antara akibat yang berlaku


apabila perasaan tidak puas hati ahli tidak dapat disuarakan sepenuhnya.

"Jadi mereka menzahirkannya melalui undi yang membuatkan BN tumbang di lima buah negeri," katanya.

Katanya, setiap ahli yang bersuara tidak boleh mengharapkan orang lain bersetuju dengan pendapatnya kerana setiap orang mempunyai pandangan yang berbeza mengenai satu-satu isu.

"Saya tidak kisah orang lain hendak hentam saya, yang penting kebebasan untuk bersuara dan peluang untuk menyuarakan pendapat dalam parti wujud.

"Sudah sampai masanya kita melakukan perubahan demi kebaikan dan budaya *yes sir* perlu dihapuskan," katanya.



MUKHRIZ MAHATHIR